

Headline	<b>Akademi Sastera lahirkan pengkritik pelapis</b>
Date	<b>01. Sep 2008</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>
Section	<b>Supplement</b>
Circulation	<b>238082</b>
Readership	<b>833287</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>22</b>
Article Size	<b>252 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>
AdValue	



MUHAMMAD Zarif Hassan menerima hadiah kejuaranya daripada Izzah Abdul Aziz sambil diperhatikan oleh Siti Aisah Murad pada pertandingan akhir Akademi Sastera di DBP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

LIMA pemenang Akademi Sastera musim pertama (dari kiri) Bop Abdul Gapor, Mohd. Zamzuri Mustapha, Muhammad Zarif Hassan, Rosnani Ibrahim dan Siti Nadia Hamnain ceria dengan hadiah masing-masing.

# *Akademi Sastera lahirkan pengkritik pelapis*



JURI Akademi Sastera (dari kiri) Dr. Kamariah Kamarudin, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Prof. Madya Dr. Hanapi Dollah.

ABD. AZIZ ITAR

**J**IKA dunia hiburan mempunyai pertandingan nyanyian seperti *Akademi Fantasia* (AF) dan *Akademi Nasyid*, bidang kesusteraan tanah air juga mempunyai akademinya sendiri bagi melahirkan karyawan-karyawan sastera. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) misalnya, telah mengajurkan pertandingan *Akademi Sastera* (AS) bagi menyemarakkan semula dunia kesusteraan tempatan yang dikatakan semakin lesu.

Pengarah Jabatan Sastera DBP, Izzah Abdul Aziz berkata, apa yang lebih penting beliau berharap agar AS dapat melahirkan karyawan-karyawan pelapis dalam bidang kritikan sastera dalam genre novel, cerpen, puisi dan drama pada masa depan.

Menurutnya, menerusi pertandingan yang julung kalinya diadakan itu, format yang diperkenalkan dalam AS tidak jauh beza seperti program-program realiti televisyen (TV) di mana ia menyediakan mentor, pengkritik dan juga juri profesional.

Headline

Akademi Sastera lahirkan pengkritik pelapis

Date

01. Sep 2008

Media Title

Utusan Malaysia

Menerusi AS, para peserta bukan sahaja mengemukakan kertas kerja hasil kritikan sastera yang mereka tampilkan, tetapi para penonton juga dibenarkan bertanya soalan kepada para peserta.

"Cuma bezanya AS bertujuan melahirkan golongan karyawan sasterawan pelapis yang berwibawa pada masa depan. Idea pertandingan ini muncul selepas kami melihat perkembangan yang berlaku sekarang ini di mana sastera semakin dipinggirkan."

"Ekoran semakin banyak program TV realiti seperti AF, DBP rasa terpanggil untuk memikirkan suatu kaedah bagaimana untuk memasarkan produk-produk sastera. Itu antara sebab kami wujudkan AS," katanya pada pertandingan akhir AS di DBP, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pada AS musim pertama, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Zarif Hassan muncul juara pertamanya menerusi kajian serta kritikannya berjulid *Konseptual Shahnon Ahmad Terhadap Kemungkaran Melalui Tivi: Satu Analisis Berdasarkan Konseptual Kata Kunci*.

Dengan kemenangan itu, beliau menerima hadiah berupa wang tunai RM1,000 dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Izzah Abdul Aziz.

Tempat kedua dimenangi oleh Zamzuri Mustapha dari Universiti Malaya (UM) menerusi kritikannya bertajuk *S.M. Zakir Sebagai Pengarang Oksidental: Satu Kajian Ke Atas Tiga Buah Cerpen dan menggondol hadiah wang tunai RM700 dan sijil.*

Tempat ketiga dimenangi oleh Rosnani Ibrahim dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui kritikannya berjulid *Puitika Dalam Syair Perang Makasar* dan membawa pulang wang tunai RM500 dan sijil.

Sementara itu, Bop Abdul Gapor dari UKM (*Novel Kawin-Kawin: Analisis*

*Semiotik*) dan Siti Nadia Hammain dari UM (*Sangeetha: Kepikunan Mengheret Keterpinggiran Dan Penindasan*) masing-masing menerima hadiah sagu hati wang tunai RM300 dan sijil penyertaan.

Pada pertandingan anjuran bersama DBP, UM, UKM dan UPM itu, setiap peserta akan diberi tunjuk ajar oleh tiga mentor iaitu Mohamad Saleeh Rahamad, Naffi Mat dan Che Abdullah Che Ya selain menerima kritikan daripada Dr. Norhayati Ab. Rahman dan Mohamad Daud Mohamad ketika setiap peserta membentangkan kritikan sastera mereka.

AS yang bertemakan *Pembinaan Kritikan Sastera dan Modal Insan Berketerampilan* itu juga membariskan tiga juri iaitu Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan (UM), Prof. Madya Dr. Hanapi Dollah (UKM) dan Dr. Kamariah Kamarudin (UPM).

Jelas Izzah, AS musim kedua akan diteruskan pada tahun depan di mana selepas ini DBP bercadang untuk memperluaskan lagi pertandingan itu untuk tontonan khalayak yang lebih besar.

"Kami mungkin akan mengadakan kerjasama dengan mana-mana stesen TV yang berminat bagi menyiarakan rancangan ini di saluran mereka. Kalau boleh kami mahu pertandingan ini bukan sahaja diikuti oleh para pelajar universiti tetapi juga di luar kampur.

"Bagi menambah penyertaan, kami juga akan membuka pertandingan ini kepada Institusi Pengajian Tinggi

Swasta pada masa depan. Cara ini mungkin boleh mempopularkan lagi bidang sastera di negara ini," ujarnya.

Biarpun baru kali pertama dianjurkan tetapi AS dilihat berjaya mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang kritikan sastera meliputi teori Feminisme, Takmilah, Persuratan Baru, Hegemoni, Kata Kunci, Pengkaedahan Melayu, Kajian Budaya dan Historisme.

Perkara itu diakui oleh Ketua Juri AS, Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan yang berpendapat calon-calon yang bertanding kali ini menampilkan kritikan-kritikan sastera yang boleh dibanggakan biarpun mereka masih bergelar mahasiswa.

"Sukar untuk kami mencari pemenang pertandingan peringkat akhir ini kerana kebanyakan mereka membentangkan kertas kerja yang rapi dan teliti di mana ia lebih baik berbanding peringkat saringan.

"Cuma ada beberapa perkara yang harus diperbaiki iaitu daripada sudut penyediaan kertas kerja yang sedikit kurang konsisten, konsep definisi sesuatu kritikan yang kurang jelas kerana ia boleh menganggu analisis serta huraian fakta yang tidak dikaitkan dengan analisis," komennya.

Kajian dan pemilihan teks dalam kritikan AS terbuka kepada sastera Melayu di mana format pemarkahan adalah 40 peratus untuk pembentangan teks dan 60 peratus markah diberi semasa sesi pembentangan.



PENGKRITIK (dari kanan) Dr. Norhayati Ab. Rahman dan Mohamad Daud Mohamad banyak membantu mempertingkatkan mutu bakat para peserta pertandingan tersebut.